



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.148 ( 26 )

Tarikh: 18 Oktober 2004

**Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri**

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BIL. 4 TAHUN 2004**

---

**PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI PECAH BAHAGI  
BANGUNAN YANG DAHULUNYA BLOK/BLOK-BLOK SEMENTARA  
BAGI TUJUAN PENGELUARAN HAKMILIK STRATA**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan prosedur pecah bahagi bangunan yang dahulunya adalah blok/blok-blok sementara dan di dalam skim yang sama bagi tujuan pengeluaran hakmilik strata.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Bahagian IV, Akta Hakmilik Strata 1985 [AHS 1985] telah menggariskan prosedur-prosedur bagi pengeluaran hakmilik strata ke atas bangunan yang dahulunya blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan pembinaannya. Walau bagaimanapun, pada masa kini masih belum ada lagi prosedur yang menerangkan pecah bahagi bangunan bagi tujuan pengeluaran hakmilik strata ke atas blok/blok-blok tersebut.

2.2 Sehubungan dengan itu, satu prosedur yang lengkap dan seragam yang berkaitan peraturan ukur dan garis panduan pecah bahagi bangunan ke atas bangunan yang dahulunya blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan bagi tujuan pengeluaran hakmilik

strata untuk diguna pakai oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) dan Jurukur Tanah Berlesen (JTB) perlu dikeluarkan.

2.3 Walaupun begitu, prosedur ini hanya terpakai kepada blok/blok-blok sementara di dalam sesuatu skim strata yang telah dikeluarkan dokumen hakmilik strata sementara sahaja [sek. 20(2)(f), AHS 1985].

### **3. PERATURAN UKUR PECAH BAHAGI BANGUNAN DAN PENGUKURAN KE ATAS BLOK/BLOK-BLOK SEMENTARA YANG TELAH DISIAPKAN (DALAM SKIM YANG SAMA) – LAMPIRAN A**

Peraturan ini menerangkan prosedur-prosedur bagi menjalankan pecah bahagi bangunan ke atas blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan pembinaannya (dalam skim yang sama) bagi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Jenis pengukuran yang perlu dijalankan;
- (ii) Cara menomborkan bangunan, blok/blok-blok sementara (jika ada), tingkat, petak, petak aksesori (jika ada) dan skim strata;
- (iii) Penyediaan pelan strata (pelan lokasi dan pelan tingkat); dan
- (iv) Penyediaan pelan akui strata.

### **4. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' HAMID BIN ALI)**  
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Salinan kepada:**

**Edaran dalaman:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster

**Edaran luaran:**

Setiausaha  
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

## LAMPIRAN "A"

### 1. Dokumen Yang Perlu Disertakan Dengan Permohonan Pecah Bahagi Bangunan

Sebagaimana yang dikehendaki oleh Pekeliling KPUP Bil. 2/2001, Juruukur Tanah Berlesen (JTB) semasa mengemukakan permohonan strata bagi blok/blok-blok sementara yang telah siap dibina (skim sama) kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) hendaklah juga mengemukakan salinan-salinan dokumen seperti berikut untuk semakan awal JUPEM Negeri terlebih dahulu sementara menerima salinan asal daripada PTD.

- (a) salinan Borang 5 [sek. 20, AHS 1985];
- (b) salinan pelan bangunan dan mana-mana ubahsuai yang diluluskan dengan mematuhi peruntukan seksyen 21, AHS 1985;
- (c) sijil perakuan arkitek atau jurutera profesional yang mengesahkan blok/blok-blok sementara berkaitan yang telah siap pembinaannya mengikut pelan bangunan dan mana-mana pindaan yang diluluskan;
- (d) pelan cadangan strata yang diperakukan oleh JTB [sek. 20(2)(ca)&(cb), AHS 1985];
- (e) Permit ruang udara atau surat permohonan permit ruang udara [sek. 75, KTN 1965], jika ada [sek. 20(2)(ca), AHS 1985];
- (f) Borang LJT 12;
- (g) Sijil Akuan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung (LJT) tanda penerimaan bayaran upah ukur;
- (h) buku kerjalar (salinan) atau buku kerjalar elektronik (BKE) mengikut format yang ditetapkan oleh JUPEM
- (i) kiraan unit syer petak dan petak aksesori; dan
- (j) salinan dokumen hakmilik strata sementara keluaran bagi blok atau blok-blok berkaitan.

### 2. Tindakan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN)

#### 2.1 Penerimaan Permohonan Ukur

Sebaik sahaja menerima salinan permohonan strata daripada JTB, PUPN hendaklah:

- (i) Membuka fail ukur baru (contohnya PUBLWP 200/2004) dengan mengekalkan nombor skim asal; dan

- (ii) Menyemak pelan strata (pelan lokasi dan tingkat) bagi blok atau blok-blok bangunan yang berkaitan serta menjalankan kerja-kerja ukur (jika perlu).

## **2.2 Proses Semakan Permohonan**

Proses semakan yang dijalankan oleh JUPEM adalah lebih kepada pengesahan kualiti supaya tempoh prosesan dapat disingkatkan tanpa mengabaikan kualiti kerja. Sehubungan dengan itu, proses semakan akan dibuat dalam dua peringkat seperti berikut:

- (i) Semakan Peringkat I hendaklah merujuk kepada para 4.2, 4.3 dan 4.4 Pekeliling KPUP Bil. 2/2001; dan
- (ii) Semakan Peringkat II hendaklah merujuk kepada para 5.1, 5.2 dan 5.3 Pekeliling KPUP Bil. 2/2001.

## **3. Penomboran-Penomboran Strata**

### **3.1 Bangunan dan Blok/Blok-Blok Sementara**

- (i) Penomboran bangunan hendaklah disambung daripada skim asal (skim strata yang mana hakmilik strata sementara telah dikeluarkan).
- (ii) Sekiranya masih ada blok/blok-blok sementara yang belum disiapkan bagi sesuatu skim strata tersebut maka nombor blok/blok-blok sementara asal bagi blok/blok-blok sementara berkenaan hendaklah dikekalkan kerana hakmilik strata sementara blok/blok-blok sementara berkenaan masih berkuatkuasa, contohnya adalah seperti di **Lampiran "A1"** bagi pelan strata dan **Lampiran "B1"** bagi Pelan Akui Strata (PA Strata).
- (iii) Garis panduan penomboran bangunan dan blok/blok-blok sementara hendaklah mengikut garis panduan di para 10 Lampiran `A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991.

### **3.2 Tingkat**

Penomboran tingkat bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan sama ada tingkat atas paras bumi, tingkat bawah paras bumi dan tingkat mezanin hendaklah mengikut garis panduan di para 11 Lampiran `A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991.

### **3.3 Petak**

- (i) Penomboran petak bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah disambung daripada siri nombor petak

- terakhir pada skim asal; dan
- (ii) Penomboran petak bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah mengikut garis panduan di para 12 Lampiran `A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991.

### **3.4 Petak Aksesori**

- (i) Penomboran petak aksesori (jika ada) bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah disambung daripada siri nombor petak aksesori terakhir skim asal; dan
- (ii) Semua penomboran petak aksesori bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah mengikut garis panduan di para 13 Lampiran `A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991 dan di para 3.2, Pekeliling KPUP Bil. 3/2001.

### **3.5 Skim Strata**

Nombor skim strata sedia ada (asal) hendaklah digunakan bagi semua blok/blok-blok sementara dalam skim tersebut yang telah disiapkan bagi tujuan urusan pecah bahagi bangunan.

## **4. Penyediaan Pelan Strata Blok/Blok-Blok Sementara Yang Telah Disiapkan**

Pelan strata adalah pelan cadangan bagi pecah bahagi bangunan yang merangkumi pelan lokasi dan pelan tingkat [sek. 20(2)(c) dan sek. 10(1)(b), AHS 1985].

### **4.1 Pelan Lokasi**

- (i) Pelan lokasi adalah terdiri daripada tajuk pelan, pelan tapakbina, pelan keratan tegak bangunan dan blok/blok-blok sementara (jika ada), sijil JTB dan jadual yang menunjukkan senarai petak/unit syer setiap tingkat dan agihan petak manakala bagi blok sementara (jika ada) jumlah petak setiap blok dan agihan petak setiap tingkat.
- (ii) Tatacara penyediaan pelan lokasi, pelan tapakbina dan pelan keratan tegak bangunan hendaklah mengikut garis panduan di para 14.1 dan 14.2, 14.3 dan 14.4 Lampiran `A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991.

### **4.2 Pelan Tingkat**

- (i) Pelan tingkat adalah terdiri daripada tajuk pelan, pelan lantai, sijil JTB untuk pelan tingkat, pelan petak aksesori di luar bangunan (jika ada) dan jadual (jika berkaitan).

- (ii) Tatacara penyediaan pelan tingkat dan pelan lantai hendaklah mengikut garis panduan di para 15.1, 15.2, 15.3, 15.5 dan 15.6, Lampiran 'A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991.

#### 4.3 Format Sijil-sijil JTB Di Pelan Strata

- (i) Format Sijil JTB pada Pelan Tapakbina

"Menurut Seksyen 20(2)(ca)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan ..... adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot..... /bandar/pekan/mukim.....,seksyen ..... dan daerah ..... ; dan

"Menurut Seksyen 20(2)(cb) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan ..... adalah terletak keseluruhannya dalam blok sementara ..... yang ditunjukkan dalam PA(B) .....

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
Tandatangan dan cop rasmi"

Atau;

"Menurut Seksyen 20(2)(ca)(ii) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya .....seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan lankan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan yang menganjur ke suatu rizab jalan, bangunan ..... adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot ..... /bandar/pekan/mukim ..... , seksyen ..... dan daerah ..... ; dan

"Menurut Seksyen, 20(2)(cb)(ii) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya .....seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan lankan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan, bangunan .....adalah terletak keseluruhannya dalam blok sementara ..... yang ditunjukkan dalam PA(B) .....

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
Tandatangan dan cop rasmi"

Contoh-contoh aplikasi sijil JTB pada pelan tapakbina adalah seperti di **Lampiran "A1"** dan **"A2"**

(ii) Format Sijil JTB - Pelan Keratan Tegak Bangunan

"Menurut Seksyen 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
Tandatangan dan cop rasmi"

Contoh-contoh aplikasi sijil JTB pada pelan tapakbina adalah seperti di **Lampiran "A1"** dan **"A2"**

(iii) Format Sijil JTB - Pelan Tingkat

"Menurut Seksyen 10(1)(b) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui:-

- (i) bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan pelan ini adalah menepati pelan tersebut; dan
- (ii) bahawa tiap-tiap sempadan bagi tiap tiap petak sebagaimana di tunjukkan di atas pelan ini mengikut ciri-ciri binaan kekal yang terdapat dalam bangunan tersebut.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
Tandatangan dan cop rasmi"

Contoh-contoh aplikasi sijil JTB pada pelan tapakbina adalah seperti di **Lampiran "A3"** dan **"A4"**

#### 4.4 Contoh Pelan Strata

Contoh-contoh format pelan strata bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan yang merangkumi pelan lokasi dan pelan tingkat adalah seperti di **Lampiran "A1" hingga "A4"**.

### 5. Pelan Akui Strata

- 5.1 Pelan akui strata (PA strata) hendaklah disediakan bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan.



- 5.2 Saiz borang PA strata hendaklah mengikut format, media dan skala yang ditetapkan oleh JUPEM. Walaupun begitu, skala yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan maklumat yang hendak ditunjukkan.
- 5.3 Penyediaan PA strata hendaklah berpandukan kepada pelan strata blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan yang diluluskan oleh PTG/JKT dan salinan pelan ini hendaklah disimpan di pejabat PUPN.
- 5.4 Nombor siri yang baru bagi folio PA strata untuk blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah digunakan dan menggunakan awalan PA(B).

## **6. Penyediaan Pelan Akui Strata**

- 6.1 Setiap PA strata bagi bangunan yang dahulunya blok sementara yang telah disiapkan hendaklah mengandungi pelan tapakbina, pelan keratan tegak setiap bangunan dan blok/blok-blok sementara (jika ada), pelan lantai, Jadual dan lain-lain maklumat (jika perlu).
- 6.2 Tatacara penyediaan pelan tapakbina untuk PA strata bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan adalah seperti garis panduan di para 19.2 Lampiran `A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991.
- 6.3 Tatacara penyediaan pelan keratan tegak bangunan untuk PA strata bagi blok/blok-blok sementara yang siap dan blok sementara (jika ada) adalah seperti garis panduan di para 4.1(ii) di atas.
- 6.4 Pelan lantai bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah dilukis untuk setiap tingkat pada skala yang sesuai dengan menunjukkan sempadan setiap petak dan petak aksesori dalam tingkat berkaitan dengan dimensi mendatar tanpa paparan bearing. Maklumat yang perlu dipaparkan pada pelan lantai adalah seperti yang disenaraikan di para 15.3(c) Lampiran `A', Pekeliling KPUP Bil. 2/1991.

### **6.5 Jadual Dalam Pelan Akui Strata**

Jadual ini disediakan apabila memerlukan lebih daripada satu folio PA strata. Bagi kes blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan, jadual ini hendaklah memaparkan hubungkait maklumat-maklumat penuh skim strata berkenaan seperti maklumat tingkat, petak, nombor PA strata, petak aksesori dan unit syer. Contoh format Jadual adalah seperti di **Lampiran "B1" dan "B2"**.

## 6.6 Kemaskini Pelan Akui Asal

Kemaskini maklumat nombor PA strata pada blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan hendaklah dibuat pada PA strata asal/lama dengan warna merah.

## 6.7 Contoh Pelan Akui Strata

Contoh-contoh format PA strata bagi blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan yang merangkumi pelan tapakbina dan pelan lantai adalah seperti di **Lampiran "B1"** dan **"B2"**.

## 7. Kerjalar


Bagi bangunan yang dahulunya blok sementara yang telah disiapkan, kerjalar diperlukan bagi ukuran seperti berikut:

- (i) Menentukan sempadan-sempadan lot (jika perlu);
- (ii) Menentukan kedudukan bangunan-bangunan yang dahulunya blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan terlibat berada di dalam lot;
- (iii) Menentukan ketinggian setiap tingkat blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan;
- (iv) Menentukan dimensi mendatar petak, petak aksesori dan harta bersama blok/blok-blok sementara yang telah disiapkan; dan
- (v) Menentukan petak dalam lantai yang serupa.

Garis panduan bagi melaksanakan kerja-kerja ukuran di para (i) hingga (v) adalah seperti di para 1, **Lampiran "B"**, Pekeliling KPUP 2/1991. Maklumat-maklumat hasil daripada kerjalar-kerjalar ini hendaklah digunakan bagi penyediaan pelan strata dan PA strata.

PELAN LOKASI  
 PECAH BAHAGIAN BANGUNAN  
 WILAYAH PERSEKUTUAN  
 BANDAR KUALA LUMPUR  
 SEKSYEN 47  
 LOT 644 (PA 100408)  
 NOMBOR HAKMILIK G 73  
 KELUASAN LOT = 9482 m<sup>2</sup>  
 SKIM 168

PELAN TAPAKBINA  
 SKALA 1 : 2000




"Menurut Seksyen 20(2)(ca)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan ..... adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot..... /bandar/pekan/mukim ..... seksyen ..... dan daerah ..... ; dan

"Menurut Seksyen 20(2)(cb) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa bangunan ..... adalah terletak keseluruhannya dalam blok sementara P2 yang ditunjukkan dalam PA(B) .....

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
 Tandatangan dan cop rasmi"

KERATAN TEGAK BANGUNAN M 3  
 SKALA 1:200




"Menurut Seksyen 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
 Tandatangan dan cop rasmi"

PELAN LOKASI  
 PECAH BAHAGIAN BANGUNAN  
 WILAYAH PERSEKUTUAN  
 BANDAR KUALA LUMPUR  
 SEKSYEN 47  
 LOT 644 (PA 100408)  
 NOMBOR HAKMILIK G 73  
 KELUASAN LOT = 9482 m<sup>2</sup>  
 SKIM 168




"Menurut Seksyen 20(2)(ca)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan lankan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan yang menganjur ke suatu rizab jalan, bangunan..... adalah terletak keseluruhannya dalam sempadan lot.....bandar/pekan/mukim .....seksyen .....dan daerah .....

"Menurut Seksyen 20(2)(cb) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa, tidak mengambil kira mana-mana cucur atap, kajang dan lankan yang tidak merupakan sebahagian mana-mana petak yang dicadangkan yang menganjur ke suatu rizab jalan, bangunan..... adalah terletak keseluruhannya dalam blok sementara P2 yang ditunjukkan dalam PA(B) .....

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
 Tandatangan dan cop rasmi"

KERATAN TEGAK BANGUNAN M 3  
 SKALA 1:200



"Menurut Seksyen 10(1)(b)(i) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan bahawa pelan ini adalah menepati pelan tersebut.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
 Tandatangan dan cop rasmi"

PELAN TINGKAT  
 PECAH BAHAGIAN BANGUNAN  
 WILAYAH PERSEKUTUAN  
 BANDAR KUALA LUMPUR  
 SEKSYEN 47  
 LOT 644 (PA 100408)  
 NOMBOR HAKMILIK G 73  
 KELUASAN LOT = 9482 m<sup>2</sup>  
 SKIM 168

LAMPIRAN "A3"

PELAN LANTAI  
 BANGUNAN M3  
 TINGKAT 1  
 PETAK 123 HINGGA 132  
 SKALA 1:200

PELAN LANTAI  
 BANGUNAN M3  
 TINGKAT 2  
 PETAK 133 HINGGA 142  
 SKALA 1:200

Nota :-



- i. Bangunan M3 dahulunya Blok Sementara P2 ( PA(B) 60234 )
- ii. Harta bersama

"Menurut Seksyen 10(1)(b) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui:-

- (i) bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan pelan ini adalah menepati pelan tersebut; dan
- (ii) bahawa tiap-tiap sempadan bagi tiap tiap petak sebagaimana di tunjukkan di atas pelan ini mengikut ciri-ciri binaan kekal yang terdapat dalam bangunan tersebut.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
 Tandatangan dan cop rasmi"



PELAN TINGKAT  
 PECAH BAHAGIAN BANGUNAN  
 WILAYAH PERSEKUTUAN  
 BANDAR KUALA LUMPUR  
 SEKSYEN 47  
 LOT 644 (PA 100408)  
 NOMBOR HAKMILIK G 73  
 KELUASAN LOT = 9482 m<sup>2</sup>  
 SKIM 168

LAMPIRAN "A4"

PELAN LANTAI  
 BANGUNAN M3  
 TINGKAT 3  
 PETAK 143 HINGGA 152  
 SKALA 1:200

PELAN LANTAI  
 BANGUNAN M3  
 TINGKAT 4  
 PETAK 153 HINGGA 162  
 SKALA 1:200

Nota : -



- i. Bangunan M3 dahulunya Blok Sementara P2 ( PA(B) 060234 )
- ii. Harta bersama 

"Menurut Seksyen 10(1)(b) di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, saya ..... seorang juruukur tanah dengan ini memperakui:-


- (i) bahawa saya telah membuat perbandingan pelan ini dengan pelan bangunan yang asal yang disediakan oleh arkitek atau jurutera profesional yang bertanggungjawab atas pembinaannya dan pelan ini adalah menepati pelan tersebut; dan
- (ii) bahawa tiap-tiap sempadan bagi tiap tiap petak sebagaimana di tunjukkan di atas pelan ini mengikut ciri-ciri binaan kekal yang terdapat dalam bangunan tersebut.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....


.....  
 Tandatangan dan cop rasmi"




14 WILAYAH PERSEKUTUAN  
 00 BANDAR KUALA LUMPUR  
 44 SEKSYEN 47  
 47 LOT 000644 (PA 100408)  
 NOMBOR HAKMILIK G73  
 LUAS LOT 000644 = 9482m<sup>2</sup>  
 SKALA 1 : 2000  
 SKIM 168




KERATAN TEGAK BANGUNAN M 3  
 SKALA 1:200



PELAN LANTAI  
 BANGUNAN M3  
 TINGKAT 1  
 PETAK 123 HINGGA 132  
 SKALA 1:200



PELAN LANTAI  
 BANGUNAN M3  
 TINGKAT 2  
 PETAK 133 HINGGA 142  
 SKALA 1:200



Bangunan M3 : PA(B) 93264-01 hingga 93264-02					
Tingkat	Petak	PA(B)	Aksesori	PA(B)	Unit Syer
1	123	93264-01	Tiada	-	83/16600
	124	93264-01	Tiada	-	83/16600
	125	93264-01	Tiada	-	83/16600
	126	93264-01	Tiada	-	83/16600
	127	93264-01	Tiada	-	83/16600
	128	93264-01	Tiada	-	83/16600
	129	93264-01	Tiada	-	83/16600
	130	93264-01	Tiada	-	83/16600
	131	93264-01	Tiada	-	83/16600
	132	93264-01	Tiada	-	83/16600
2	133	93264-01	Tiada	-	83/16600
	134	93264-01	Tiada	-	83/16600
	135	93264-01	Tiada	-	83/16600
	136	93264-01	Tiada	-	83/16600
	137	93264-01	Tiada	-	83/16600
	138	93264-01	Tiada	-	83/16600
	139	93264-01	Tiada	-	83/16600
	140	93264-01	Tiada	-	83/16600
	141	93264-01	Tiada	-	83/16600
	142	93264-01	Tiada	-	83/16600
Bangunan M1 : PA(B) 060232-01 hingga 060232-10					
Bangunan M2 : PA(B) 060233-01 hingga 060233-02					
Blok P1 : PA(B) 060234					

Saya, ..... seorang Juruukur Tanah Berlesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada ..... haribulan ..... 20 .....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarikh ..... 20 .....

Juruukur Tanah Yang Dilesen di bawah Akta 458

FAIL UKUR PUBLWP 1688-04

FAIL PT

FAIL PTG PTG WP 6/168/04


PETA KADASTER 85-B-II-3

BK 8610

DILULUSKAN OLEH


**PA(B) 93264-01**

14 WILAYAH PERSEKUTUAN  
 00  
 44 BANDAR KUALA LUMPUR  
 47 SEKSYEN 47  
 LOT 000644 (PA 100408)  
 NOMBOR HAKMILIK G73  
 LUAS LOT 000644 = 9482m<sup>2</sup>  
 SKALA 1 : 2000  
 SKIM 168




**LAMPIRAN "B2"**


KERATAN TEGAK BANGUNAN M 3  
 SKALA 1:200



PELAN LANTAI BANGUNAN M3  
 TINGKAT 3  
 PETAK 143 HINGGA 152  
 SKALA 1:200



PELAN LANTAI BANGUNAN M3  
 TINGKAT 4  
 PETAK 153 HINGGA 162  
 SKALA 1:200



Bangunan M3 : PA(B) 93264-01 hingga 93264-02					
Tingkat	Petak	PA(B)	Aksesori	PA(B)	Unit Syer
3	143	93264-02	Tiada	-	83/16600
	144	93264-02	Tiada	-	83/16600
	145	93264-02	Tiada	-	83/16600
	146	93264-02	Tiada	-	83/16600
	147	93264-02	Tiada	-	83/16600
	148	93264-02	Tiada	-	83/16600
	149	93264-02	Tiada	-	83/16600
	150	93264-02	Tiada	-	83/16600
	151	93264-02	Tiada	-	83/16600
	152	93264-02	Tiada	-	83/16600
4	153	93264-02	Tiada	-	83/16600
	154	93264-02	Tiada	-	83/16600
	155	93264-02	Tiada	-	83/16600
	156	93264-02	Tiada	-	83/16600
	157	93264-02	Tiada	-	83/16600
	158	93264-02	Tiada	-	83/16600
	159	93264-02	Tiada	-	83/16600
	160	93264-02	Tiada	-	83/16600
	161	93264-02	Tiada	-	83/16600
	162	93264-02	Tiada	-	83/16600
Bangunan M1 : PA(B) 060232-01 hingga 060232-10					
Bangunan M2 : PA(B) 060233-01 hingga 060233-02					
Blok P1 : PA(B) 060234					

Saya, ..... seorang Juruukur Tanah Berlesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semamata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada ..... haribulan ..... 20 .....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarikh ..... 20 .....

.....  
 Juruukur Tanah Yang Dilesen di bawah Akta 458

**FAIL UKUR PUBLWP 1688-04**

**FAIL PT**

**FAIL PTG PTG WP 6/168/04**

**PETA KADASTER 85-B-II-3**

**BK 8610**

**DILULUSKAN OLEH**

**PA(B) 93264-02**